

Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Umrah dan Haji
Khusus bagi Pembiayaan Peribadi-i HLISB untuk Umrah dan Haji SAHAJA
Dikemas kini pada 25 April 2024

TEMPOH KEMPEN

“Pembiayaan Peribadi-i: Kempen Umrah dan Haji” (“**Kempen**”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (2005501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) bermula pada 3 April 2024 dan berakhir pada 30 Jun 2024, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan dinyatakan atau diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Kempen (“**T&S**”) adalah seperti berikut.

KELAYAKAN

- Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun individu sedia ada dan baharu (“**Pelanggan**”) HLISB dan Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) (secara kolektif disebut “**Bank**”) yang memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Berumur antara dua puluh satu (21) hingga enam puluh (60) tahun;
 - Bekerja atau bekerja sendiri dengan pendapatan tahunan minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu (RM24,000); dan
 - Tiada tunggakan baki sedia ada dalam mana-mana Pinjaman Peribadi HLB dan/atau Pembiayaan Peribadi-i HLISB sedia ada dengan Bank sebelum atau semasa Tempoh Kempen (terpakai untuk Pelanggan sedia ada sahaja);
- Golongan berikut TIDAK layak menyertai Kempen:
 - Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;
 - Pelanggan yang ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang disebut di sini;
 - Kakitangan tetap dan kontrak Bank.

KAEDAH KEMPEN

- Untuk layak menyertai Kempen ini, Pelanggan dikehendaki melaksanakan perkara berikut semasa Tempoh Kempen:
 - Memohon satu (1) Pembiayaan Peribadi-i HLISB (“**Kemudahan**”) bagi amaun dan tempoh Kemudahan yang ditetapkan seperti yang tertera dalam Jadual 1 di bawah; dan

Jadual 1

| Amaun Kemudahan* | | Tempoh Kemudahan |
|------------------|----------------|------------------|
| *Amaun Minimum | Amaun Maksimum | |
| RM20,000 | RM150,000 | 2 - 5 tahun |

* Bagi mengelakkan keraguan, amaun Kemudahan yang diluluskan tidak semestinya sama dengan amaun Kemudahan yang dimohon oleh Pelanggan.

- Mengemukakan permohonan untuk Kemudahan melalui mana-mana cawangan Bank atau melalui jualan langsung oleh pegawai Bank.

Jadual 2

| Saluran Permohonan | Platform |
|--------------------|--------------------------|
| Luar Talian | Cawangan/Jualan Langsung |

Untuk tujuan Kempen ini, Pelanggan yang telah memenuhi semua kriteria menurut Klausa 3 di atas dan Kemudahan mereka telah diluluskan dan disalurkan akan disebut sebagai “**Pelanggan Berkelayakan**”.

Hadiah Eksklusif

- Pelanggan Berkelayakan yang telah memohon Kemudahan dan Kemudahan telah disalurkan semasa Tempoh Kempen akan layak menerima satu (1) unit Hadiah seperti peruntukan yang ditetapkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

| Bil | Hadiah | Peruntukan |
|-----|-------------------------------------|-----------------------|
| 1 | RM50 Touch 'n Go eWallet Reload PIN | 400 Pelanggan sahaja. |

- Bagi mengelakkan keraguan, Kempen ini hanya sah atas dasar “siapa cepat dia dapat” dan/atau tertakluk pada ketersediaan Hadiah.
- Kempen ini TIDAK sah dengan mana-mana kempen/promosi lain yang berkaitan dengan Kemudahan yang sedang ditawarkan oleh HLISB.
- Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditukar. HLISB berhak menggantikan Hadiah dengan mana-mana barangan lain yang sama nilainya atas budi bicaranya sekiranya Hadiah itu tidak ada atau disebabkan keadaan yang tak diduga dan sebagainya.
- HLISB akan menghantar Hadiah dalam bentuk e-kod unik yang dikeluarkan oleh Touch 'n Go (“**TnG**”) menerusi SMS kepada nombor telefon bimbit Pelanggan Berkelayakan yang berdaftar dengan Bank dalam masa sembilan puluh (90) hari perniagaan selepas 30 Jun 2024 (“**Pemberitahuan Pemenang**”) atas dasar usaha terbaik berdasarkan nombor telefon bimbit terkini yang diberi oleh Pelanggan Berkelayakan seperti yang terdapat dalam rekod HLISB.
- Pelanggan Berkelayakan bertanggungjawab menebus Hadiah secara terus melalui Aplikasi TnG eWallet mengikut tempoh sah e-kod unik tersebut.
- Hadiah yang tidak digunakan atau tidak ditebus selepas tempoh sah akan luput dan tidak akan diganti.
- Penggunaan Hadiah adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Pengguna TnG eWallet dan Pelanggan Berkelayakan bertanggungjawab membaca dan memahami dasar keselamatan dan privasi serta terma dan syarat TnG.
- HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya syarat pemenuhan Hadiah tersebut tidak dipenuhi disebabkan oleh nombor telefon bimbit yang diberi oleh Pelanggan Berkelayakan tidak betul atau tidak terkini.
- Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Berkelayakan bersetuju bahawa butiran maklumat peribadinya termasuk nama dan empat (4) digit terakhir nombor Kad Pengenalan atau pasportnya mungkin digunakan untuk tujuan Kempen termasuk menyiarkan senarai Pemenang dalam Laman Sesawang HLISB atau laman sesawang Kempen.
- Risiko penebusan Hadiah terletak pada Pemenang. Semua kos dan perbelanjaan yang terlibat untuk menebus Hadiah ditanggung sendiri oleh Pelanggan Berkelayakan.
- T&S ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat Pembiayaan Peribadi-i yang boleh didapati di www.hlisb.com.my/financing-ipromo

Kadar Keuntungan Rata dan Rebat Bayar-Tepat-Pada-Masa atas Jumlah Keuntungan untuk Kemudahan

Kadar Keuntungan Rata atas Jumlah Keuntungan untuk Kemudahan

16. Permohonan untuk Kemudahan bagi Pelanggan Berkelayakan yang telah diluluskan dan disalurkan sebelum/pada 31 Julai 2024 layak untuk menikmati Kadar Keuntungan Rata masing-masing bergantung kepada Segmen, Saluran Permohonan dan Pendapatan Bulanan yang Sah (seperti yang tertera dalam Jadual 4 di bawah).

Jadual 4

| Saluran Kemudahan | Segmen | Pendapatan Bulanan Yang Sah | Kadar Keuntungan Rata | Rebat BayarTepat-Pada-Masa atas Jumlah Keuntungan |
|-------------------|--------|-----------------------------|-----------------------|---|
| Luar Talian | Semua | RM2,000 dan ke atas | 9.00% setahun | 50% |

Nota: Kadar Keuntungan efektif berbeza seperti berikut bergantung kepada Tempoh Kemudahan dari 2 – 5 tahun kecuali dinyatakan sebaliknya:

- i. Kadar Keuntungan Rata 9.00% setahun: Kadar Keuntungan efektif berkisar dari 15.71% setahun hingga 16.43% setahun.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan Berkelayakan yang berhak mendapat Kadar Keuntungan Rata akan dimaklumkan oleh Bank apabila permohonan mereka telah diluluskan melalui e-mel yang didaftarkan dalam sistem Bank.

Bayar-Tepat-Pada-Masa Atas Jumlah Keuntungan untuk Kemudahan

17. Permohonan Pelanggan Berkelayakan yang telah diluluskan dan disalurkan pada atau sebelum 31 Julai 2024 dan membayar ansuran bulanan Kemudahan sebelum/pada tarikh akhir pembayaran setiap bulan semasa Tempoh Kemudahan (“**Pelanggan Layak**”) akan layak menerima Rebat Bayar-Tepat-Masa di atas Jumlah Keuntungan yang perlu dibayar (“**Rebat**”) seperti mana yang dinyatakan dalam Jadual 4 di atas. Rebat ini TIDAK terpakai untuk Pelanggan Layak yang memohon Kemudahan melalui Laman Sesawang Bank dan/atau HLB Connect Online.
18. Rebat akan dikreditkan ke akaun Kemudahan Pelanggan Layak setiap bulan selepas tarikh akhir ansuran bulan ketiga belas (13) dan bulan berikutnya selepas itu sehingga bulan keenam (6) sebelum ansuran terakhir Kemudahan (“**Tempoh Rebat**”). **Oleh itu, Tempoh Rebat akan sentiasa lapan belas (18) bulan kurang daripada Tempoh Kemudahan.** Sebagai contoh, Kemudahan (60) bulan mempunyai Tempoh Rebat selama (42) bulan.
19. Sebagai contoh, Pelanggan Berkelayakan yang bergaji dengan Pendapatan Bulanan Yang Disahkan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) ke atas layak mendapat Rebat 50% berdasarkan Jumlah Kemudahan sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000) dengan Tempoh Kemudahan selama lima (5) tahun diilustrasi dalam Jadual 5 dan Jadual 6 di bawah:

Jadual 5

| Amaun Kemudahan* | Tempoh Kemudahan (Tahun) | Kadar Keuntungan Rata (setahun) atas Amaun Kemudahan | Jumlah Keuntungan Yang Dibayar sepanjang Tempoh Kemudahan | Ansuran Bulanan semasa Tempoh Tanpa Rebat** |
|------------------|--------------------------|--|---|---|
| (a) | (b) | (c) | (d) = a x b x c | (e) = (a + d) / (b x 12) |
| RM50,000 | 5 | 9.00% setahun | RM22,500 | RM1,210 |

*0.50% daripada Amaun Kemudahan yang diluluskan akan ditolak daripada Kemudahan semasa penyaluran untuk cukai setem yang perlu dibayar atas Kemudahan tersebut.


**Ansuran bulanan akan dibundarkan ke atas kepada RM5 terdekat.

Jadual 6

| Rebat 50% atas Jumlah Keuntungan yang Dibayar Sepanjang Tempoh Kemudahan | Rebat Bulanan yang akan diterima sepanjang Tempoh Rebat | Ansuran bulanan selepas Rebat semasa Tempoh Rebat |
|--|---|---|
| (a) | (b) = (a) / Tempoh Rebat | (c) = Ansuran Bulanan – (b) |
| RM22,500 x 50% = RM11,250 | RM11,250 / 42 bulan = RM267*** | RM1,210 – RM267 = RM943 |

***Rebat bulanan akan dibundarkan ke bawah kepada RM1 terdekat.

Ilustrasi ansuran bulanan yang perlu dibayar untuk Kemudahan sebanyak RM50,000 untuk tempoh lima (5) tahun dengan Rebat sebanyak 50% yang berkenaan adalah seperti berikut:



Nota: Tempoh Rebat diwakili oleh kawasan yang berwarna biru.

20. Pelanggan Layak yang layak menerima Rebat akan dimaklumkan oleh Bank pada bulan ketiga belas (13) Tempoh Kemudahan, berdasarkan alamat terkini yang diberikan oleh Pelanggan Layak tersebut seperti yang terdapat di dalam rekod Bank.
21. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, Rebat bulanan yang dikreditkan ke dalam akaun Kemudahan Pelanggan Layak semasa Tempoh Rebat seperti yang tertera di Klausula 18 di atas akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan atas ansuran bulanan. Sehubungan itu, ansuran bulanan yang dibayar oleh Pelanggan Layak adalah selepas potongan amaun Rebat. Pelanggan Layak boleh menghubungi Bank untuk mendapatkan maklumat mengenai ansuran bulanan yang perlu dibayar. Ia merupakan tanggungjawab Pelanggan Layak tersebut untuk memaklumkan kepada Bank secara bertulis selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh pembayaran ansuran bulanan bulan ketiga belas (13) dan/atau bulan-bulan berikutnya jika tidak menerima Rebat bulanan. Sekiranya gagal berbuat demikian, Pelanggan Layak akan dianggap telah menerima Rebat bulanan tersebut daripada pihak Bank.
22. Kelayakan Pelanggan Layak untuk menerima Rebat akan dibatalkan dan bayaran Rebat berikutnya akan dihentikan segera sekiranya salah satu daripada situasi yang berikut berlaku:
 - a) Pelanggan Layak yang gagal membayar sebarang ansuran bulanan untuk Kemudahan sebelum/pada tarikh akhir pembayaran semasa Tempoh Kemudahan atau mana-mana jumlah lain yang dihutang di bawah dan berkaitan dengan Kemudahan apabila diminta oleh Bank;
 - b) Pelanggan Layak yang memberi notis penyelesaian awal sebelum tarikh matang Tempoh Kemudahan; atau
 - c) Pelanggan Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan yang berkaitan dengan Kemudahan.

Umum

23. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Berkelayakan dengan ini:
 - (a) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini serta Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i;
 - (b) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Notis Privasi Bank yang boleh disemak di laman sesawang HLISB;
 - (c) bersetuju untuk mengakses laman sesawang HLISB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S dan sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S;
 - (d) bersetuju untuk menyerahkan segala dokumen berkenaan yang diminta oleh Bank tepat pada masa supaya Kemudahan dapat diluluskan dan disalurkan pada atau sebelum 31 Julai 2024. Jika Pelanggan Layak tidak dapat menyerahkan dokumen berkenaan tepat pada masanya, Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kemudahan itu tidak dapat disalurkan pada atau sebelum 31 Julai 2024;

- (e) bersetuju bahawa keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Kempen (termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan Kemudahan dan/atau amaun yang diluluskan bagi Kemudahan tersebut) adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan Layak; dan
 - (f) bersetuju bahawa mereka bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkait dengan penyertaan mereka dalam Kempen.
24. HLISB berhak:
- (a) menolak sebarang permohonan Pembiayaan Peribadi-i yang dikemukakan;
 - (b) membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen kerana tidak mematuhi T&S di dalam ini; dan
 - (c) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Kempen atas budi bicaranya dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan dengan cara menyiarkannya di Laman Sesawang HLISB atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLISB.
25. T&S di dalam ini dan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S Kempen ini dengan Terma dan Syarat Pembiayaan Peribadi-i, maka T&S tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
26. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara T&S di dalam ini berbanding dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat seperti yang terdapat laman sesawang HLISB hendaklah diutamakan.
27. T&S di dalam ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai T&S ini, sila dapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang melayani anda. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi Bank melalui emel di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau telefon 03-7626 8899.